

PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2022

Pemberitahuan Usul

DEWAN INI SETUJU UNTUK MENYELARASKAN PERUNTUKAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN) MENGIKUT TAHAP KEMISKINAN DAN JUMLAH POPULASI DI KAWASAN DUN

Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada Pulau Tikus untuk membentangkan satu usul yang pada pendapat saya, cukup mustahak dan relevan dengan iklim sosio ekonomi dan politik terkini. Usul yang akan saya bawa pada petang ini berbunyi “ dewan ini setuju untuk menyelaraskan peruntukan ahli Dewan Undangan Negeri mengikut tahap kemiskinan dan jumlah populasi di kawasan DUN”.

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan pembangunan kawasan atau *constituency development fund (CDF)* merupakan sejumlah wang yang diperuntukkan kepada wakil rakyat bagi tujuan kebajikan serta pembangunan kawasan. Walaupun CDF merupakan sebahagian daripada amalan demokrasi perwakilan di negara kita, namun sehingga hari ini, tiada satu formula atau undang-undang khusus berkenaan CDF di peringkat negeri mahupun Persekutuan. Akibatnya, pemberian CDF kepada wakil-wakil rakyat adalah atas wewenang kerajaan, atau lebih tepat lagi, parti politik yang memerintah. Hakikatnya, Tuan Speaker, CDF kerap digunakan sebagai senjata politik untuk menghukum rakyat di kawasan pembangkang. Keadaan ini telah menggalakkan tindakan lompat parti dalam kalangan wakil rakyat kerana kata-katak politik ini mempunyai justifikasi untuk berbuat demikian. *They have a moral justification.*

Tuan Yang Dipertua,

Menyedari masalah ini, apakah tindakan yang wajar diambil? Adakah kita harus menghapuskan CDF dan menumpukan semua soal kebajikan dan pembangunan kawasan setempat dalam tangan agensi kerajaan? Atau pun memberikan peruntukan sama rata kepada semua wakil rakyat, tanpa mengira afiliasi politik? Sudah tentu

tidak. Wakil rakyat itu merupakan *liaison* antara marhaen dan agensi kerajaan. Mereka mempunyai hubungan rapat dengan komuniti setempat dan lebih memahami keperluan rakyat di kawasan masing-masing. Peruntukan sama rata pula bukan langkah yang ideal kerana seperti yang disampaikan oleh YB Ketua Menteri, setiap kawasan mempunyai bilangan B40 yang berbeza. Oleh itu, keperluan bantuan turut berbeza

Tuan Yang Dipertua,

Saya mencadangkan supaya CDF diselaraskan mengikut tahap kemiskinan dan jumlah populasi di KADUN. Pendekatan ini dapat memastikan setiap wakil rakyat menerima peruntukan yang secukupnya untuk membantu rakyat di kawasan masing-masing. Cadangan saya adalah seperti berikut: menetapkan **kadar pemberian CDF per kapita, iaitu RM 1000**. Maka, jumlah CDF yang diterima oleh seorang wakil rakyat adalah **hasil darab kadar per kapita dan bilangan B40 di kawasan tersebut**. Jumlah CDF yang diterima oleh setiap ADUN hendaklah **disemak semula setiap 10 tahun seiring dengan pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia**. Saya juga berpendapat bahawa **kerajaan perlu memasukkan kaedah penghitungan CDF ini di bawah Perlembagaan Negeri** supaya pemberian CDF tidak lagi disalahgunakan oleh satu-satu parti politik

Akhirulkaam, CDF ini telah lama disalahgunakan untuk kepentingan politik sesetengah pihak. Justeru, sekiranya usul ini diluluskan, maka Pulau Pinang mengambil langkah pertama dalam reformasi institusi untuk menghapuskan budaya politik wang dan lompat parti yang menyelubungi negara kita. Saya dengan rendah hati memohon sokongan ahli-ahli yang berhormat untuk meluluskan usul ini supaya setiap rakyat Pulau Pinang dapat **berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Equity, not equality**

Terima kasih, tuan speaker. Pulau Tikus mohon mencadang.

Lee Joe Sern

N25 Pulau Tikus

Sidang Muda 2022